

## PENGGUNAAN TV PENDIDIKAN DAN EDUWEBTV DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR BANDARAYA JOHOR BAHRU, JOHOR

Johari Bin Hassan & Nor Hafizah Binti Sulaiman  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada penggunaan TV Pendidikan, kepentingan TV Pendidikan serta masalah yang dihadapi dalam menggunakan TV Pendidikan. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada tahap kesediaan dan penerimaan guru terhadap EDUWEBTV serta masalah-masalah awal yang dihadapi dalam menggunakan EDUWEBTV. Instrumen kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada 150 orang responden dari 2 kategori sekolah menengah yang dipilih secara rawak berkelompok. Data-data ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 11.5. Statistik deskriptif iaitu min, frekuensi dan peratusan serta statistik inferensi seperti ujian-t juga digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kadar penggunaan TV Pendidikan adalah di tahap yang sederhana. Namun majoriti responden menyedari akan kepentingan TV Pendidikan di mana siaran TV Pendidikan mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam menggunakan TV Pendidikan ialah masalah percanggahan jadual waktu. Bagi EDUWEBTV, tahap kesediaan dan penerimaan guru menggunakan EDUWEBTV adalah di tahap yang sederhana. Manakala, masalah utama yang dihadapi ialah mereka tidak dapat melayari laman EDUWEBTV dengan cepat pada setiap masa dan boleh mengganggu proses P&P.

**ABSTRACT:** The purpose of this research is to determine the level of usage of the Educational Television and EDUWEBTV among the teachers from secondary school located at Johor Bahru Town. The usage of Educational Television, the benefit of Educational Television and the problem in using the Educational Television are the main focus of this research. This research also focus on the readiness and acceptance of the EDUWEBTV among teachers and also the problems in using the EDUWEBTV. A questionnaire was used as the instrument of this research and distributed to 150 respondents from 2 categories of secondary school through a randomize group sampling. All the data were analyzed using the *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* software version 11.5 and was presented in the form of means, frequencies and percentages. Inferential statistics such as t-test were also used in this research. The results showed that the usage of Educational Television were at the average level. But, the majority of the respondents agreed that the Educational Television programme can increased their performance in the teaching and learning process. The main problem faced by the teachers was clashed of the timetable with the Educational Television programme schedule. For EDUWEBTV, the level for readiness and acceptance was at the average. While, the process of teaching and learning was disturbed by the problem of slow EDUWEBTV signal.

Katakunci: TV Pendidikan, EDUWEBTV, *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)*

### PENGENALAN

Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi, khususnya teknologi informasi pada masa kini telah membawa kepada satu perubahan yang amat besar dalam bidang kehidupan termasuk dalam kegiatan pendidikan. Seperti yang sudah kita maklum, pendidikan merupakan suatu proses yang digunakan oleh individu untuk memperoleh pengetahuan atau wawasan serta untuk mengembangkan sikap. Justeru itu,

seiring dengan kemajuan teknologi informasi tersebut telah membuatkan satu perubahan yang besar dalam sistem pendidikan Malaysia.

Sebelum ini pendidikan kita merupakan warisan dari sistem pendidikan yang lama. Para pelajar hanya mengharapkan seratus peratus kepada guru. Segala usaha dalam proses P&P hanya dilakukan oleh guru manakala para pelajar hanya menghafal fakta-fakta tanpa erti. Sistem pendidikan yang baik harus dapat menyediakan pendidikan yang bermutu kerana pendidikan bertujuan menyalurkan nilai-nilai murni serta membina kemampuan dalam diri pihak lain sehingga diharapkan dapat mencari dan menciptakan sesuatu yang baru. Pengaruh globalisasi kini kian terasa dengan semakin banyak terbinanya saluran informasi terutama dalam bentuk elektronik. Contoh yang terbaik bagi teknologi informasi dalam bentuk elektronik adalah TV dan internet.

### **Pernyataan Masalah**

Setelah hampir empat puluh tahun kewujudan TV Pendidikan di Malaysia, penambahan kajian khususnya kepada penggunaannya, mutu penerbitannya serta keberkesannya di kalangan guru sekolah menengah tidak dapat dinafikan lagi. Fenomena ini akan berterusan selagi adanya rancangan TV Pendidikan kerana ia lebih berunsur motivasi dan sangat membantu para pelajar di peringkat sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan besar seperti PMR dan SPM. Memandangkan guru-guru adalah perangsang utama kepada penggunaan rancangan TV Pendidikan dalam kalangan para pelajar, maka wajarlah dikaji semula sambutan dan penggunaan guru ke atasnya.

Berdasarkan kajian sebelum ini, didapati kadar peratusan penonton yang menonton rancangan ini agak menurun kerana ketika itu TV Pendidikan disiarkan di ASTRO secara berbayar. Kemudian rancangan TV Pendidikan disiarkan di TV9 dan kembali percuma siarannya. Namun kini TV Pendidikan boleh dilayari dimana-mana dan pada bila-bila masa dengan EDUWEBTV. Oleh itu, adakah tahap penerimaannya menjadi meningkat atau ia masih seperti dahulu? Sebelum ini, guru-guru juga sering menghadapi masalah untuk menggunakan siaran TV Pendidikan sebagai BBM kerana siaran TV Pendidikan dikatakan kurang menarik di mana gambar-gambarnya agak pudar dan konsep 90'an masih dikekalkan. Kini teknologi informasi semakin berkembang pesat. Para guru di sekolah menengah menghadapi satu cabaran yang besar untuk membuatkan para pelajar berminat dengan pengajarannya. Justeru, apakah kesan yang dapat dilihat ke atas guru sekolah menengah apabila TV Pendidikan digunakan sebagai BBM sepanjang proses P&P?

Kini TV Pendidikan sudah sepenuhnya bertukar bentuk dari siaran TV ke sebuah laman web rasmi KPM iaitu EDUWEBTV. BTP memperkenalkan EDUWEBTV ini adalah bertujuan sebagai saluran utama untuk mempertingkatkan lagi penggunaan siaran TV Pendidikan dalam kalangan guru sekolah menengah. Antara kelebihan siaran TV Pendidikan dalam bentuk laman web ini ialah ia dapat dipergunakan secara meluas dan boleh dicapai pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja. Pengajaran guru yang sebelum ini menggunakan CD-ROM juga dapat ditukarkan ke dalam bentuk online.

Namun timbul masalah di sini di mana tidak semua sekolah memiliki kelengkapan komputer beserta internet yang mencukupi. Selain itu, seperti yang sedia maklum tidak semua para pelajar serta guru di peringkat sekolah menengah mampu menguasai kemahiran dalam menggunakan komputer dan berminat untuk menggunakan sepenuhnya komputer sepanjang P&P. Bagi guru-guru yang sudah lama berkhidmat mungkin akan kurang mahir untuk mengendalikan komputer kerana selama tempoh pengajaran mereka sebelum ini teknologi masih belum berkembang pesat. Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan dimana ibubapa mereka tidak mampu menyediakan sebuah komputer di rumah. Jika ini dialami oleh guru-guru dan kebanyakan pelajar, maka kesan yang besar akan dapat dilihat pada tahap kecemerlangan pengajaran guru dan tahap pencapaian akademik para pelajar di peringkat sekolah menengah.

Oleh itu, sejauh manakah tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah untuk mengaplikasikan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam pengajarannya? Bagaimanakah pula dengan tahap penerimaan guru-guru dalam situasi ini? Adakah kebanyakan para guru lebih selesa dengan penggunaan TV Pendidikan di TV berbanding TV Pendidikan di EDUWEBTV kerana tidak semua sekolah memiliki komputer yang dilengkapi dengan talian internet yang berkualiti dengan jumlah yang mencukupi?

Siaran TV Pendidikan di TV jauh lebih baik dari siaran di laman web kerana di TV tidak perlu di muat turun serta tiada sebarang gangguan pada siarannya. Namun jika siaran di laman web, gambar dan suaranya kurang jelas, rancangan yang hendak ditonton perlu di muat turun terlebih dahulu dan siarannya akan tersangkut-sangkut. Ini akan mengambil masa dan membuatkan guru-guru serta pelajar rasa tidak mahu menggunakan khidmat TV Pendidikan dalam proses P&P mereka.

Justeru itu, berdasarkan masalah-masalah tersebutlah membuatkan mengapa saya ingin menjalankan kajian ini. Saya hendak meninjau sejauh mana keadaan dan situasi sebenar TV Pendidikan dan EDUWEBTV sekarang di kalangan para guru di enam buah sekolah menengah di sekitar Bandaraya Johor Bahru, Johor.

### **Objektif Kajian**

1. Mengetahui bentuk penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan guru Sekolah Menengah Premier dan Sekolah Menengah Harian Biasa sepanjang proses P&P.
2. Mengetahui sejauh mana guru-guru sekolah menengah menggunakan TV Pendidikan sebagai BBM sepanjang proses P&P.
3. Mengetahui tahap kesediaan dan penerimaan guru-guru sekolah menengah terhadap TV Pendidikan yang bertukar ke dalam bentuk web.
4. Mengetahui masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para guru di sekolah menengah dalam menggunakan TV Pendidikan yang berbentuk konvensional dan web sepanjang dalam proses P&P.

### **Kepentingan / Rasional Kajian**

Saya berharap hasil kajian ke atas guru sekolah menengah terhadap penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV serta masalah-masalah yang sering dihadapi dapat memberi sumbangan kepada pihak guru, ibubapa dan KPM.

#### **Kepentingan Kepada Pihak Guru**

Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberikan panduan kepada guru sekolah menengah terhadap penggunaan TV Pendidikan sepanjang proses P&P berlangsung. KPM telah memperuntukkan sejumlah wang untuk pihak BTP menghasilkan pelbagai bentuk isi kandungan TV Pendidikan. Justeru itu, para guru diharap dapat mengambil iktibar dan berusaha untuk menyampaikan segala ilmu kepada para pelajar dengan lebih mudah dan lebih berkesan dengan bantuan perkhidmatan TV Pendidikan.

#### **Kepentingan Kepada Pihak Ibubapa**

Dapatan kajian ini boleh membantu ibubapa untuk mengetahui sejauh mana guru-guru sekolah menengah menggunakan TV Pendidikan yang berbentuk konvensional dan web sepanjang dalam proses P&P serta masalah-masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru. Oleh itu ibubapa dapat mengeksploitasikan kekuatan dan kelemahan yang terdapat apabila proses P&P dibantu oleh TV Pendidikan dan mengeksploitasikan kekuatan dan kelemahan yang terdapat apabila proses P&P tidak dibantu

oleh TV Pendidikan. Melalui dapatan kajian ini juga ibubapa dapat merancang pembelajaran anak mereka berasaskan kemampuan diri dan kelebihan yang terdapat pada diri anak mereka.

### **Kepentingan Kepada Pihak KPM**

Dapatan daripada kajian ini, diharap pihak kementerian dapat mengetahui sama ada TV dan internet yang terus berkembang akan cenderung untuk mempengaruhi segenap bidang kehidupan termasuk bidang pendidikan ataupun tidak. Selain itu, kajian ini dapat memberikan gambaran serta petunjuk kepada BTP tentang keperluan untuk mengubahsuai dan melakukan sebarang perubahan terhadap perkhidmatan TV Pendidikan sama ada dalam bentuk konvensional mahupun web yang ada sekarang ini. Segala perubahan bagi meningkatkan mutu siaran TV Pendidikan dan laman EDUWEBTV dapat membantu yang kini sedang bersaing dengan sistem telekomunikasi yang canggih dalam era Teknologi Maklumat ini.

### **Skop / Batasan Kajian**

Skop kajian ini hanyalah untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan guru sekolah menengah sepanjang dalam proses P&P serta masalah-masalah yang sering dihadapi oleh mereka. Alat yang digunakan untuk mengumpul data dalam penyelidikan ini ialah soal selidik. Kajian yang akan dijalankan hanyalah melibatkan guru-guru dari 2 kategori sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Premier dan Sekolah Menengah Harian Biasa di sekitar Bandaraya Johor Bahru, Johor terhadap TV Pendidikan EDUWEBTV. Ianya tidak melibatkan kajian ke atas pelajar-pelajar dan sebagainya.

## **METODOLOGI**

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini adalah guru dari 6 buah sekolah menengah yang dipilih di sekitar Bandaraya Johor Bahru, Johor. Sampel kajian ini melibatkan seramai 150 orang guru dari 2 kategori sekolah di sekitar Bandaraya Johor Bahru, Johor iaitu 75 orang guru dari Sekolah Menengah Premier dan 75 orang guru dari Sekolah Menengah Harian Biasa. Terdapat beberapa perbezaan antara 2 kategori sekolah ini yang membolehkan kedua-duanya dijadikan sebagai sumber maklumat bagi populasi kajian dalam kajian ini. Antaranya Sekolah Menengah Premier ini fasilitisnya seperti TV, komputer dan talian internet boleh dikatakan lengkap, banyak dan canggih. Guru-guru dan para pelajarnya juga adalah yang terpilih. Bagi Sekolah Menengah Harian Biasa pula tidak kesemuanya memiliki fasilitis yang lengkap, banyak dan canggih. Guru-guru dan para pelajarnya juga bukan dari golongan yang terpilih.

Dalam kajian ini, saya memilih pensampelan rawak dari jenis pensampelan berkelompok. Ini kerana kajian saya melibatkan kumpulan. Kaedah ini masih mengekalkan prinsip rawak kerana ia mudah digunakan di mana semua guru mempunyai peluang dipilih sebagai sampel (Mohd. Najib, 1999). Pensampelan berkelompok sebagai sampel mudah dilakukan apabila setiap unit pensampelan bukan lagi unsur daripada populasi, tetapi kelompok unsur daripada pensampelan kawasan. Populasi dibahagikan kepada kawasan dan dipilih secara rambang untuk dimasukkan ke dalam sampel.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen pengukuran yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Oleh itu, kaedah mengumpul data adalah kaedah yang terbaik untuk kajian saya ini. Soal selidik yang diedarkan mempunyai tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan Soalan Terbuka. Bahagian A terdiri daripada 7 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Antaranya seperti status perkahwinan, tempoh berkhidmat dan corak penontonan terhadap TV Pendidikan. Bahagian ini perlu dikemukakan kerana faktor-faktor latar belakang berkemungkinan mempengaruhi respon daripada responden.

Bahagian B mengandungi 45 soal selidik yang mewakili item-item yang berkaitan dengan penggunaan dan kepentingan TV Pendidikan, masalah penggunaan TV Pendidikan, pengetahuan tentang EDUWEFTV serta masalah penggunaan EDUWEFTV dalam kalangan guru sekolah menengah sepanjang dalam proses P&P. Item-item ini dibina berdasarkan kepada objektif kajian seperti yang dijelaskan dalam Bab 1.

Respon kepada item-item ini adalah dalam bentuk 5 skala Likert iaitu "1" untuk "Amat Tidak Setuju", "2" untuk "Tidak Setuju", "3" untuk "Tidak Pasti", "4" untuk "Setuju" dan "5" untuk "Amat Setuju". Penyelidik menggunakan kaedah Skala Likert bagi memudahkan responden menjawab item-item persoalan kajian yang terdapat di dalam borang soal selidik. Menurut Mohd. Najib (2003), pemilihan kaedah Skala Likert ini bertujuan untuk memudahkan responden memberikan jawapan yang dikehendaki mereka dengan menandakan jawapan tentang sesuatu kenyataan berdasarkan kepada tahap ekstrem sesuatu jawapan.

Bahagian Soalan Terbuka pula adalah untuk meminta pendapat responden terhadap pertukaran bentuk siaran TV Pendidikan dari konvensional ke laman web dan masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka apabila menggunakan EDUWEFTV sebagai BBM.

### **Kajian Rintis**

Penyelidik telah membuat kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden. Menurut Mohd. Najib (2003), kajian rintis dilakukan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis ini dibuat terlebih dahulu sebelum kajian sebenar kaedah tinjauan dijalankan bagi membolehkan pembetulan maklumat dapat dilakukan. Kajian rintis dijalankan pada bulan Januari 2009 bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang masih wujud dalam set soal selidik (Azizi *et al.*, 2006).

Prapengujian ini melibatkan pengedaran set soal selidik kepada kelompok responden yang dipilih. Menurut Siegel (1988), tujuan kajian rintis adalah untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian setiap item di dalam instrumen kajian dengan persoalan kajian yang dinyatakan terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sama ada responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang dikemukakan.

Kajian rintis ini akan dijalankan secara rawak mudah ke atas mana-mana 20 orang guru di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Peruntukan masa yang sesuai diberikan pada responden untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Sebarang kekeliruan atau ketidakfahaman responden terhadap item-item yang terdapat dalam borang soal selidik akan diatasi.

Kajian rintis ini juga dijalankan bagi mengukur kebolehpercayaan suatu instrumen kajian. Kaedah *Cronbach Alpha* digunakan bagi pengukuran ini dengan bantuan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) dan alfa yang diperolehi ialah 0.85. Oleh itu soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. (Sumber : Mohamad Najib Ghafar, "Penyelidikan Pendidikan", 1999)

## **PERBINCANGAN**

### **Latar belakang responden**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi kedua-dua kategori sekolah, responden yang telah berkahwin melebihi dari responden yang masih bujang. Ini jelas dapat dilihat dimana 59.3% daripadanya telah berkhidmat melebihi enam tahun. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan mereka kurang meluangkan masa untuk menonton TV dan didapati separuh dari keseluruhan responden amat jarang dalam menonton siaran TV Pendidikan.. Ini mungkin kerana faktor umur dan berkeluarga. Selain

itu, 56.0% dari keseluruhan responden meminati siaran TV Pendidikan secara siaran rakaman berbanding hanya 44.0% memilih siaran langsung. Oleh itu mereka lebih suka menonton siaran TV Pendidikan di luar waktu kelas.

### **Bentuk Penggunaan TV Pendidikan**

Dapatan kajian mendapati bentuk penggunaan TV Pendidikan kebanyakan guru di Sekolah Menengah Premier lebih memilih siaran langsung berbanding Sekolah Menengah Harian Biasa yang memilih untuk menonton secara siaran rakaman. Ini kerana para pelajar di Sekolah Menengah Premier agak berdisiplin dan menepati waktu. Oleh itu tiada gangguan dari segi waktu untuk menonton. Para pelajarnya juga mudah memahami isi kandungan siaran TV Pendidikan tersebut. Guru-guru tidak menghadapi masalah dalam mencapai objektif pengajaran di akhir penontonan. Selain itu, Sekolah Menengah Premier ini fasilitisnya boleh dikatakan lengkap, banyak dan canggih. Guru-guru dan para pelajarnya juga adalah dari golongan yang terpilih. Bagi Sekolah Menengah Harian Biasa pula guru-guru lebih memilih untuk menonton secara siaran rakaman kerana fasilitisnya boleh dikatakan kurang lengkap dimana kekurangan TV dan bilik tayangan dan terpaksa membawa para pelajar menonton mengikut giliran kelas. Manakala para pelajarnya pula sukar dalam memahami isi kandungan siaran TV Pendidikan dalam tempoh tayangan tersebut. Oleh itu guru sering menghadapi masalah dalam mencapai objektif pengajaran di akhir penontonan.

Hasil kajian turut mendapati responden dari Sekolah Menengah Premier dan Sekolah Menengah Harian Biasa menonton siaran TV Pendidikan pada waktu lapang untuk menambah pengetahuan dalam pengajaran. Namun responden dari kedua-dua kategori sekolah ini tidak berusaha membawa para pelajar mereka untuk menonton siaran TV Pendidikan pada setiap kali pengajaran. Ini kerana waktu P&P tidak bersesuaian dengan waktu siaran TV Pendidikan. Menurut Hasan (1982), masalah penyelarasan waktu siaran adalah satu sebab mengapa banyak sekolah tidak menggunakan siaran TV Pendidikan. Ini merugikan pihak kerajaan kerana berjuta-juta ringgit diperuntukkan pada BTP untuk membina program pendidikan. Malah, mereka juga tahu bahawa dengan menonton siaran TV Pendidikan dapat menambah pengetahuan. Ini seharusnya dipraktikkan kepada para pelajar. Jika para pelajar menonton siaran TV Pendidikan, pasti pengetahuan mereka juga akan bertambah.

### **Penggunaan TV Pendidikan sebagai BBM**

Pelbagai aktiviti dalam kehidupan seharian boleh dijadikan contoh untuk membuatkan para pelajar faham pada sesuatu yang disampaikan oleh guru. Contohnya seperti proses jual beli di kedai runcit. Ia melibatkan pengiraan yang terdapat dalam mata pelajaran Matematik. Oleh itu, kesemua responden tahu bahawa dengan adanya siaran TV Pendidikan sebagai BBM, mereka lebih mudah untuk membawa situasi sebenar di luar kelas itu ke dalam kelas. Ini dapat menggalakkan para pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Namun kebanyakan dari mereka tidak mengaplikasikan setiap siaran yang ada di TV Pendidikan ke dalam pengajaran. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang ditulis oleh Zaihasra (2000), dimana TV Pendidikan kurang mendapat sambutan daripada semua golongan masyarakat kerana kebanyakan para pelajar lebih menggemari siaran yang berbentuk hiburan daripada siaran TV Pendidikan.

Responden dari Sekolah Menengah Premier lebih ramai mengatakan bahawa siaran TV Pendidikan itu dapat menghidupkan suasana P&P mereka berbanding dengan responden dari Sekolah Menengah Harian Biasa. Mereka merasakan apabila menggunakan siaran TV Pendidikan dalam sepanjang proses P&P, mereka tidak perlu lagi untuk membawa banyak BBM dan tidak terikat dengan satu kaedah pengajaran sahaja. Namun kebanyakan responden Sekolah Menengah Harian Biasa tidak begitu pasti dengan kepentingan TV Pendidikan dalam proses P&P. Maka dapat disimpulkan bahawa dari dulu hingga kini, guru-guru sekolah menengah masih kurang menggunakan TV Pendidikan sebagai BBM sepanjang proses P&P berlangsung.

### **Kesediaan dan penerimaan guru-guru terhadap EDUWEBTV**

Setelah dianalisa didapati lebih dari separuh responden tahu bahawa TV Pendidikan kini telah diserap sepenuhnya dalam bentuk laman EDUWEBTV tetapi masih belum menggunakan sepenuhnya sama ada secara individu mahupun dalam proses P&P. Ini kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan laman EDUWEBTV. Tetapi responden dari kedua-dua kategori sekolah tahu bahawa laman EDUWEBTV lebih senang digunakan, lebih bersifat mesra pengguna dan lebih menarik perhatian pelajar berbanding TV Pendidikan. Dengan laman EDUWEBTV ini juga boleh mengatasi masalah waktu tayangan siaran pendidikan tersebut tidak bersesuaian dengan jadual waktu guru dan para pelajar. Didapati tahap kesediaan dan penerimaan guru-guru sekolah menengah terhadap TV Pendidikan yang bertukar ke dalam bentuk web masih di tahap sederhana dan amat memerlukan peningkatan.

Selain itu, berdasarkan daripada dapatan hipotesis, didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara responden yang memiliki komputer peribadi dengan penggunaan EDUWEBTV walaupun baru dilancarkan. Ini bermakna responden yang memiliki komputer peribadi amat mempengaruhi penggunaan EDUWEBTV walaupun baru dilancarkan. Selain itu, hipotesis nol bagi kategori sekolah dengan penggunaan EDUWEBTV dalam P&P ditolak. Ini bermakna kategori sekolah mempengaruhi penggunaan EDUWEBTV dalam kalangan responden sepanjang proses P&P.

### **Masalah-masalah yang sering dihadapi dalam menggunakan TV Pendidikan / EDUWEBTV**

Hasil kajian mendapati masalah utama yang dihadapi oleh kesemua guru adalah jadual pengajaran mereka tidak selari dengan jadual siaran TV Pendidikan. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Jovina (2000) dan dapatan kajian BTP yang bermula dari tahun 1972 hingga 1991. Ini bermakna masalah utama dalam penggunaan TV Pendidikan adalah sama dari dulu hingga kini. Masalah lain yang sering dihadapi oleh para guru di sekolah menengah sepanjang menggunakan TV Pendidikan yang berbentuk konvensional dalam proses P&P pula ialah sekolah tiada kemudahan TV yang mencukupi untuk membawa para pelajar menonton siaran TV Pendidikan dan selain itu juga kebanyakan bilik tayangan di sekolah tidak mampu menampung sejumlah ramai pelajar untuk menonton siaran TV Pendidikan dalam tempoh masa yang sama. Ini membuatkan para guru berasa sukar untuk menggunakan siaran TV Pendidikan dalam P&P.

Selain itu, menurut Abdul Rahim Mohd Saad dan Myint Swe Khine (1991), perkakasan dan bahan pengajaran boleh membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik, mudah di reka bentuk dan boleh diulang beberapa kali. Namun, dapatan kajian mendapati bahawa siaran TV Pendidikan yang sering berulang kali bagi satu-satu topik pengajaran membuatkan para pelajar menjadi bosan dan tidak berminat untuk menonton siaran TV Pendidikan lagi. Ini turut dinyatakan dalam Berita Harian, 13 Januari 1995:9 di mana rancangan yang disiarkan oleh TV Pendidikan nampaknya semakin tidak menepati keperluan murid-murid.

Manakala hasil kajian mendapati antara masalah yang sering dihadapi oleh para guru di sekolah menengah jika menggunakan TV Pendidikan yang berbentuk web sepanjang dalam proses P&P ialah sekolah tidak dilengkapi dengan kemudahan komputer yang mencukupi untuk melayari EDUWEBTV dan sistem rangkaian internet yang kurang memuaskan. Apabila rangkaian internet kurang memuaskan, maka guru-guru memerlukan masa yang panjang untuk melayari EDUWEBTV dan menghadapi masalah dalam memuat turun bahan-bahan yang terdapat dalam laman EDUWEBTV. Ini membuatkan proses P&P tidak dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu kemudahan LCD tidak mencukupi turut menjadi salah satu masalah dalam menggunakan EDUWEBTV sepanjang proses P&P. Kurangnya kemahiran dalam mengendalikan komputer dan internet dalam kalangan responden juga menjadi satu lagi masalah dalam penggunaan TV Pendidikan yang berbentuk web.

## RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi melihat penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar Bandaraya Johor Bahru, Johor. Keseluruhannya, penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan guru sekolah menengah adalah di tahap yang sederhana. Namun terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori sekolah dengan penggunaan EDUWEBTV dalam P&P serta terdapat perbezaan yang signifikan juga antara responden yang memiliki komputer peribadi dengan penggunaan EDUWEBTV walaupun baru dilancarkan.

Penggunaan TV Pendidikan dan EDUWEBTV dalam kalangan guru sekolah menengah sememangnya dapat membantu meningkatkan prestasi dalam bidang akademik, malah turut dari aspek sosial. Pelbagai kemahiran mengajar yang positif diterapkan melalui pengajaran menggunakan TV Pendidikan dan EDUWEBTV. Malah ini seterusnya dapat meningkatkan lagi motivasi seseorang guru untuk terus mengajar dengan lebih bersungguh-sungguh. Ini terbukti dengan dapatan kajian yang diperolehi dimana keseluruhannya, guru-guru menunjukkan prestasi pengajaran yang sangat positif dengan kaedah pengajaran menggunakan TV Pendidikan dan EDUWEBTV ini.

Kaedah pengajaran menggunakan TV Pendidikan dan EDUWEBTV ini seharusnya diterapkan bukan sahaja di kalangan guru-guru di Sekolah Menengah Premier dan Sekolah Menengah Harian Biasa sahaja, malah turut diterapkan di semua sekolah bandar dan luar bandar. Selain itu, kaedah pengajaran menggunakan TV Pendidikan dan EDUWEBTV ini mampu melahirkan guru yang cemerlang dari pelbagai aspek sejajar dengan era modenisasi pada masa kini yang memerlukan pendidik yang berintelektual dan bersahsiah tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Mohd. Gaad. (1987), Kertas Kerja Dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Peringkat Kebangsaan anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan bertajuk 'Peranan Teknologi Pendidikan di Malaysia', Jun 1987.
- Abdul Rahim Mohd. Saad & Myint Swe Khine. (1991). "Interactive Instructional System and Modern Technology". Proceeding Of Association Of South East Asian Institute of Higher Learning Seminar, Manila. The Philippines.
- Atkinson, D.F and Locatis, N.C. (1984). "Media and Technology for Education and Training". Charles E. Merrill Publishing Company : Columbus, Ohio.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Badrul Hisham Hj. Alang Osman. 1998. Kesediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Berbantuan Komputer (PPBK) di Sekolah Menengah. (Atas talian). <http://motivasiutusan.4mg.com/kerja1.html> (Dilayari pada 20 November 2000).
- Best, J.W & Kahn, J.V. (1989) *Research in Education*. (6th ed.) New Jersey: Prentice Hall.
- Bragg, W.P. (1999). Constructivist Learning and Web-Based Computer Conferencing Qualitative Students. Unpublished PhD dissertation Fairfax, VA: George Mason University.
- Cates, W. M. (1985). *A Practical Guide to Educational Research*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.



- Chan Yuen Fook. 1999. *Teknologi Maklumat dalam Pendidikan di Malaysia*. Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-12. Port Dickson. PTPM.
- George, V.V. (1979). "Seminar Antarabangsa Penggunaan Teknologi Komunikasi Dalam Pendidikan di Kalangan Negara Membangun". dlm. "Communication Technology in Education An Overview of the Malaysian Experience". UNESCO dan UKM (Jabatan Komunikasi): UKM.
- Hasan Abu Bakar (1982). "Kajisiasat Tahunan Media Pendidikan Bahagian Perkhidmatan Siaran Pendidikan dalam Perkhidmatan Sebaran Am." Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Honey, M., K. McMillan, dan F. Craig. 1999. *Perspectives on Technology and Education Research: Lessons from the Past and Present*. (Atas talian) <http://www.ed.gov/Technology/TechConf/1999/whitepapers/paper1.html> (Dilayari pada 21 November 2000).
- Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin dan Abd. Rasid Johar. 2000. *Inovasi dan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: AJM Publishing.
- Johnson, D. 1998. *CODE 77 Self-Evaluation Rubrics for Basic Teacher Computer Use. An Educator's Guide to Evaluating the Use of Technology in Schools & Classroom*. (Atas talian) <http://ed.gov/pubs/EdtechGuide/appc-6.html> (Dilayari pada 13 Februari 2001).
- Jovinia Danil. (2000). "Penggunaan Televisyen Pendidikan Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Bandaraya Johor Bahru". Universiti Teknologi Malaysia.